

Perjuangkan isu kampus

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Calon perwakilan pelajar sesebuah institusi pengajian tinggi yang bertanding hendaklah memperjuangkan isu berteraskan kampus dan menolak sebarang agenda 'kepartian' politik luar.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), **Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi** berkata, mahasiswa perlu faham tujuan pilihan raya kampus diadakan bagi melatih mereka menjadi pemimpin tetapi dalam merangkumi konteks membabitkan isu-isu dalam kampus.

Katanya, amat tidak wajar jika mahasiswa melangkaui konteks tersebut sehingga melakukan perbuatan seperti berdemonstrasi di jalanan sedangkan saluran yang betul diwujudkan bagi mendengar sebarang tuntutan, aduan atau masalah.

"Jadi, kita minta mahasiswa jangan terpengaruh dengan mana-mana pihak luar yang berkemungkinan ada kepentingan sendiri kerana isu kampus amat berbeza dengan isu luar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas perarakan sekumpulan pelajar di sekitar ibu kota semalam bagi mendesak dilaksanakan enam tuntutan pilihan raya kampus Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) yang bersih dan berintegriti.

Tuntutan tersebut merangkumi penetapan tarikh, penglibatan mahasiswa dalam pengurusan pilihan raya, pemantauan, kebebasan berkempen, sistem pengundian telus dan peruntukan dana kepada calon.

Menurut Radin Umar, mahasiswa perlu matang dalam sebarang tindak-tanduk meskipun mempunyai banyak idealisme untuk diperjuangkan.

"Pihak universiti tidak pernah menghalang untuk mereka perjuangkan sebarang idealisme namun perjuangan itu hendaklah dalam konteks kampus yang memberi manfaat dan mengangkat imej serta reputasi mahasiswa dan universiti masing-masing," katanya lagi.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Prof. Datuk Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar** berpendapat, tindakan segeleintir mahasiswa terlibat dalam perarakan tersebut jelas dipengaruhi unsur politik luar.

"Sebenarnya tiada apa yang hendak dituntut jadi mereka sengaja mencari isu untuk disensasikan semasa pilihan raya yang semenangnya telus selama ini," katanya.



RADIN UMAR

Pengurusan universiti beri jaminan pilihan raya kampus telus

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Pengurusan universiti awam memberi jaminan akan memastikan proses pilihan raya kampus kali ini berjalan dengan adil dan telus berlandaskan peraturan yang telah ditegakkan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Osman Karim berkata, jawatankuasa induk yang dianggotai peringkat pengurusan tertinggi UKM akan memantau perjalanan proses pilihan raya bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Menurutnya, proses pilihan raya kampus akan berjalan mengikut prosedur seperti yang terkandung dalam peraturan universiti dan mengikut keperluan mahasiswa.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh mengikut permintaan pelajar yang mahukan pilihan raya kampus ini dikendalikan dalam kalanngan mereka.

"Ia memandangkan dalam peraturan universiti sudah jelas menyatakan proses tersebut hanya dikendalikan pihak kakitangan universiti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



MOHD. FAUZI RAMLI

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Osman Karim berkata, jawatankuasa induk yang dianggotai peringkat pengurusan tertinggi UKM akan memantau perjalanan proses pilihan raya bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Menurutnya, proses pilihan raya kampus akan berjalan mengikut prosedur seperti yang terkandung dalam peraturan universiti dan mengikut keperluan mahasiswa.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh mengikut permintaan pelajar yang mahukan pilihan raya kampus ini dikendalikan dalam kalanngan mereka.

"Ia memandangkan dalam peraturan universiti sudah jelas menyatakan proses tersebut hanya dikendalikan pihak kakitangan universiti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti



SEBAHAGIAN pelajar institusi pengajian tinggi awam bersama kain rentang menyampaikan aspirasi mahasiswa dalam program Suara Merdeka Siswa di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau mengulas perkembangan pilihan raya kampus bagi memilih kepimpinan baru Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2012-2013 yang dijadual berlangsung pada 25 September ini.

Pemilihan itu melibatkan 20 IPTA seluruh negara melibatkan kumpulan proaspirasi dan promahasiswa.

Dalam pada itu, kata beliau, notis makluman pemilihan calon MPP UKM akan diedarkan esok manakala penamaan calon MPP berlangsung selama dua hari bermula 20 September.

Sementara itu, Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli berkata, proses pilihan raya kampus yang bermula dengan penamaan calon pada 13 September lalu berjalan lancar tanpa berlaku sebarang insiden tidak diingini.

Menurutnya, insiden kekecohan yang berlaku pada pilihan raya kampus UPM tahun lalu telah mematangkan pihaknya untuk lengkapkan persiapan menangani kejadian yang tidak disangka.

Katanya, empat jawatankuasa yang ditubuhkan mengandungi pe-

lan tindakan pelaksana seperti bantahan, rayuan dan teknikal bagi membuktikan ketelusan pihaknya dalam menganjurkan pilihan raya kampus seperti dikehendaki mahasiswa.

Pada masa yang sama, beliau turut menggesa mahasiswa berkempen secara sihat bagi memastikan pilihan raya kampus yang berlangsung nanti berjalan lancar.

"Bagi menjamin ketelusan ini juga, kita mempelawa wakil-wakil mahasiswa untuk melihat sendiri proses undian termasuk peringkat kiraan undi dijalankan," katanya.